

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**PELANCARAN PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA
INFRA-UNIKL
DAN MAJLIS MUAFAKAT DESA**

INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA)

**15 MAC 2017 (RABU)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Bismillaahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

SALUTASI

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, maka pada hari ini kita dapat bersama dalam Majlis Pelancaran Program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL dan Pelancaran Majlis Muafakat Desa.

2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada seramai 700 orang JKKE, JKKEP dan JKKEOA dari negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor yang menjadi kumpulan pertama peserta program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniK. Syabas kerana berjaya menamatkan kursus intensif 3 hari untuk melayakkan tuan-tuan dan puan-puan dianugerahkan sijil oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Kursus intensif ini adalah nilai tambah dan rangkuman dari kursus-kursus jangka pendek yang telah tuan-tuan dan puan-puan hadiri samada di INFRA atau anjuran pihak-pihak lain berkaitan tugas selaku pemimpin di peringkat akar umbi.

3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada UniKL dan INFRA yang telah berjaya merealisasikan salah satu inisiatif di bawah Pelan Transformasi Luar Bandar untuk memperkasakan JKKE, yang telah saya lancarkan pada 20 November 2015. Terima kasih juga kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah sudi bekerjasama dengan KKLW untuk mengendalikan modul yang berkait langsung dengan tugas JKKE sebagai Penolong Pendaftar Pilihanraya.

4. Adalah menjadi harapan saya agar modul-modul yang telah tuan-tuan dan puan-puan ikuti dalam program ini seperti kepimpinan, keusahawanan, pengurusan kewangan, pemantauan projek dan pentadbiran serta penyediaan pelan strategik desa dapat membantu memperkukuhkan peranan tuan-tuan dan puan-puan sebagai pentadbir desa yang cekap dan profesional setanding pentadbir perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PLATFORM PERMUFAKATAN KKLW - JKKE

5. Kerajaan amat menghargai dan menyanjung tinggi peranan JKKE dalam membantu menyampaikan agenda yang telah dirancang oleh Kerajaan untuk kepentingan rakyat di luar bandar. Tuan-tuan dan puan-puan adalah benteng barisan hadapan yang mampu menyalurkan informasi berkaitan dasar-dasar Kerajaan terutamanya usaha-usaha serta pencapaian program-program yang telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat luar

bandar. Justeru, Kementerian sentiasa berusaha untuk membantu JKKK agar dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan lebih efisien.

6. Pada hari ini juga, kita akan memperkenalkan satu lagi platform engagement bersama JKKK iaitu Majlis Permuafakatan di antara saya selaku Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah bersama JKKK atau nama ringkasnya Majlis Muafakat Desa. Melalui platform ini, pelbagai perkara dapat dibincangkan bagi memastikan rakyat di luar bandar terus mendapat perhatian dan pembelaan dari Kerajaan. Ia juga dapat memastikan segala agenda pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik menerusi sokongan padu JKKK yang menerajui kepimpinan di peringkat akar umbi.

7. Kita berharap agar dasar-dasar yang dirangka oleh Kementerian khususnya program Transformasi Luar Bandar dengan aspirasi 'Membandarkan Luar Bandar' yang memberi penekanan kepada aspek pembangunan prasarana, pembangunan belia dan modal insan, pengukuhan ekonomi luar bandar dan keusahawanan serta pengukuhan sistem penyampaian dapat disampaikan dan diuar-uarkan kepada seluruh rakyat di bawah pimpinan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kita mahu rakyat merasai dan menerima dengan positif serta memberi sokongan kepada setiap program yang dirancang ke arah matlamat menjayakan desa yang lestari, berdaya saing dengan menyediakan kehidupan yang sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

PELUANG MEMBINA KEHIDUPAN DI DESA

8. Menerusi program Transformasi Luar Bandar ini, lebih banyak peluang pekerjaan akan dicipta dan rumah-rumah mampu milik di bawah inisiatif Rumah Bina Negara (Rumah BN) akan disediakan bagi menggalakkan golongan muda tinggal dan bekerja di desa. Peluang-peluang pendidikan khususnya dalam bidang kemahiran akan diperluaskan untuk menggalakkan lepasan sekolah yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran melalui saluran formal, meneruskan pengajian mereka di institusi-institusi milik agensi Kementerian seperti Giatmara, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Kolej KETENGAH, UniKL dan lain-lain lagi. Ushawan-usahawan luar bandar pula akan terus dibantu bagi meluaskan perusahaan mereka samada dalam aspek latihan, pemasaran atau bantuan dana. RTC dan Mini RTC akan ditambahbaik untuk menjadi antara medium pemasaran produk usahawan luar bandar manakala cadangan mewujudkan Rural Premium Outlet (RPO) bakal menyediakan premis bagi memasarkan produk eksklusif dan berkualiti keluaran penduduk desa.

INISIATIF MEMBENTUK JKKK PROFESIONAL

9. Kerajaan tidak pernah melupakan jasa tuan-tuan dan puan-puan selaku pemimpin barisan hadapan di peringkat akar umbi. Justeru, beberapa inisiatif disediakan untuk memantapkan peranan dan fungsi JKKK. Antaranya, dalam tahun ini Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM187.5juta untuk bayaran Elaun Pengerusi sebanyak RM900 sebulan, Elaun Setiausaha RM300 sebulan, Elaun Kehadiran Mesyuarat (Ahli) RM50 sebulan dan kos pengendalian mesyuarat sebanyak RM100 sebulan. Bermula Februari 2017, Kementerian juga telah memutuskan agar elaun bulanan Pengerusi dan Setiausaha dibayar melalui Electronic Fund Transfer (EFT) iaitu dimasukkan ke dalam akaun penerima sepertimana lazimnya kaedah bayaran gaji penjawat awam.

PELAPORAN TEPAT DAN CEPAT

10. Bagi memudahkan JKKK menyediakan laporan mesyuarat serta laporan-laporan utama yang lain seperti kewangan, akaun dan pelaksanaan aktiviti berdasarkan KPI yang telah ditetapkan, sistem ePelaporan disediakan untuk membantu penyediaan laporan yang tepat dan cepat. Penggunaan sistem ini dijangka dapat meningkatkan bilangan pengendalian mesyuarat dan meningkatkan perbelanjaan bagi peruntukan yang lazimnya tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya kerana kegagalan melaksanakan mesyuarat seperti ditetapkan. Sudah sampai masanya JKKK bergerak dari kaedah konvensional dan menjadi IT Savvy untuk menghasilkan output yang lebih berkualiti.

KAD PENGENALAN DIRI JKKK

11. Inisiatif lain yang akan direalisasikan dalam masa terdekat adalah penyediaan Kad Pengenalan Diri JKKK bertujuan untuk memudahkan semua urusan dengan pihak berkepentingan dalam hal ehwal tugas rasmi berkaitan program pembangunan luar bandar di kampung masing-masing. Selain itu, Kementerian juga akan menyediakan peruntukan untuk JKKK melaksanakan kerja-kerja pembaikan rumah PPRT secara gotong-royong. Kaedah ini bukan sahaja dapat mempercepatkan pelaksanaan kerja berkenaan tetapi yang lebih penting, dapat menghidupkan semula semangat kerja secara gotong-royong dalam kalangan masyarakat desa yang kini kian pupus ditelan arus pemodenan.

PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA

12. Kementerian juga komited untuk memastikan institusi JKKK berada pada standard yang boleh dibanggakan. Justeru, kesemua 16,000 JKKK, JKKKP dan JKKKOA akan dipastikan untuk mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa seperti yang telah dihadiri oleh tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini. Penganugerahan sijil

ini membuktikan bahawa tuan-tuan dan puan-puan adalah seorang profesional yang benar-benar layak untuk menerajui institusi penting di desa. Ia sekaligus dapat meningkatkan keyakinan rakyat untuk memberikan sokongan padu kepada institusi JKKK dalam setiap usaha yang dijalankan bagi memajukan desa dan masyarakatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

PENDAFTARAN PEMILIH BAHARU

13. Akhir sekali, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah diwatikahkan sebagai Penolong Pendaftar Pilihanraya agar dapat mempertingkatkan usaha untuk memastikan anak-anak muda di kampung masing-masing yang telah layak mengundi, mendaftar sebagai pemilih. Aktiviti penerangan bagi membangkitkan kesedaran kepada tanggungjawab sebagai pemilih berdaftar boleh dilaksanakan secara berterusan khususnya kepada golongan belia. Peningkatan bilangan pengundi dapat membantu meningkatkan sokongan berterusan kepada Kerajaan demi kelangsungan masa hadapan anak bangsa kita.

SOKONGAN BERTERUSAN KEPADA KERAJAAN

14. Saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberikan sokongan padu kepada Kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita kasihi. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam menentang dan menangkis apa jua ancaman yang cuba mengganggu-gugat keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Kita harus bersatu dalam setiap keadaan dan bersama menggalas tanggungjawab mempertahankan kedaulatan tanahair yang kita cintai seperti kata pepatah, 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Kita juga perlu memastikan agar anak-anak dan masyarakat yang kita pimpin turut memahami peranan dan tanggungjawab ini supaya kita sentiasa 'bercakap dalam nada yang sama' dan 'bergerak sederap' pada setiap langkah.

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang gigih menimba ilmu untuk meningkatkan kompetensi dan keupayaan diri. Mudah-mudahan usaha ini diberkati dan direndhai oleh Allah SWT. Dengan lafaz yang mulia BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM saya melancarkan program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL dan Majlis Muafakat Desa.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.